

05/03/2000

Ketua bahagian perlu bijak kendali mesyuarat

MELAKA: Semua ketua bahagian Umno diingatkan diingatkan supaya mengendalikan mesyuarat perwakilan Umno masing-masing secara profesional dan tidak berat sebelah.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata setiap ketua bahagian perlu bijak mengendalikan mesyuarat masing-masing bagi mengelakkan kekecohan.

"Setiap kekosongan perlu diisi dan semua bahagian perlu mengemukakan senarai lengkap nama perwakilan ke perhimpunan Umno Mei ini," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian bangunan Persatuan Datuk-datuk Melaka di sini, semalam.

Perasmiannya dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan turut dihadiri beberapa Ahli Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan negeri.

Menurut Mohd Ali, mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri pada 15 Januari lalu juga sudah memutuskan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno, tidak dipertandingkan.

Beliau menegaskan walaupun kebanyakan Umno bahagian belum mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing, Umno negeri sudah memutuskan supaya Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, masing-masing dicalonkan jawatan presiden dan timbalan presiden Umno.

Bagaimanapun, katanya, Umno negeri tidak menghalang jika ada antara bahagian yang ingin mencalonkan beberapa nama lain untuk jawatan Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi (MT).

(END)